

## BAB KELIMA

### RINGKASAN HASIL KAJIAN

#### **5.1 Pandangan Pelajar Terhadap Personaliti Guru (240 sampel pelajar)**

Item personaliti yang menunjukkan penilaian yang paling tinggi pada skala paling menggalakkan ialah suara dan pakaian. Tiga sub-item di bawah item ini ialah mengajar dengan nada suara yang senang dan selesa didengar, mengenakan pakaian yang selesa dipandang dan tidak menjolok mata serta suara yang semula jadi dan tidak tegang, masing-masing mencatat purata 203 orang iaitu 84.58%. Seterusnya pemilihan kaedah yang sesuai dengan perancangan mengajar. Teknik pengajaran yang pelbagai dan menyeronokkan, kemahiran menguasai pengajaran bahasa Arab dan menggalakkan kreativiti dan inisiatif pelajar yang masing-masing mencatat purata 190 iaitu 79.17%.

Sementara sifat yang mendapat penilaian paling tidak menggalakkan ialah 'tegas' di mana sub-item di bawahnya ialah mengotakan apa yang dikata, memberi arahan dengan tegas serta tidak berat sebelah dan berpatutan sepanjang masa yang mencapai purata 157 iaitu 65.42%. Demikian juga dengan sifat menyukai kanak-kanak iaitu berminat tentang diri seorang pelajar, berjaya menarik minat dan perhatian pelajar serta semangat bertolak ansur dan kerjasama antara guru dan pelajar yang mencatat purata 165 orang iaitu 68.75%.

## 5.2 Pandangan Guru Terhadap Tingkah Laku Pelajar Semasa Proses Pengajaran Bahasa Arab

Tingkah laku pelajar yang diberi penilaian yang paling tinggi oleh kesemua guru bahasa Arab iaitu pada skala 4 dan 5 (*setuju dan sangat setuju*) ialah bercakap dengan suara yang lemah lembut, respon terhadap pengajaran bahasa Arab dan kebebasan berbincang berbagai aspek dalam bahasa Arab. Sementara tingkah laku yang paling tidak menggalakkan yang diberi penilaian yang rendah oleh guru iaitu pada skala 3 ke bawah (*tidak pasti, tidak setuju dan amat tidak setuju*) adalah selesa bersama guru, penyertaan dalam aktiviti bahasa Arab, seronok dan riang semasa belajar dan sukarela memberi jawapan.

Hasil daripada kajian menunjukkan berberapa faktor yang mempengaruhi teknik pengajaran seseorang guru dan terdapat berberapa sifat personaliti guru yang menjadi pembolehubah kepada tingkah laku dan minat pelajar dalam subjek bahasa Arab. Bilangan pelajar di dalam bilik darjah boleh mempengaruhi tumpuan guru semasa mengajar. Hasil kajian menunjukkan bilangan pelajar dalam sesebuah bilik darjah adalah di bawah 30 orang. Bilangan ini adalah jumlah yang sesuai yang tidak mendatangkan kesesakan dan suasana yang tidak selesa kepada pelajar dan juga guru.

Demikian juga dengan kursus yang dihadiri oleh guru dalam perkhidmatan, didapati ada perkaitan yang signifikan dengan teknik yang digunakan oleh guru dalam pengajaran. Hasil kajian mendapati guru yang pernah mengahdiri kursus intensif (1-7 hari), menggunakan pendekatan *komunikasi*, satu teknik gabung jalin yang menggabungkan keempat-empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur,

membaca dan menulis, iaitu satu pendekatan yang paling sesuai digunakan untuk mengajar Bahasa Arab Komunikasi.

Dalam pengajaran bahasa kedua, kemahiran guru dalam menguasai bahasa tersebut adalah sangat penting. Ini dapat menjamin proses pengajaran berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan 'bahasa'. Ini diperkukuhkan lagi dengan hasil kajian yang dijalankan menunjukkan hubungan yang penting antara institusi pendidikan guru dengan kaedah yang mereka gunakan. Daripada 4 orang guru yang berpendidikan di Timur Tengah, didapati 3 orang daripada mereka menggunakan teknik komunikasi selain teknik-teknik lain. Sementara antara 3 orang guru bahasa Arab yang berpendidikan dalam negeri, hanya seorang menggunakan teknik komunikasi. Ini menunjukkan guru yang berpendidikan luar negeri mempunyai tahap penguasaan yang lebih baik seterusnya mampu berkomunikasi dengan lebih berkesan kerana mereka mempunyai keyakinan yang tinggi dalam berkomunikasi.

### **5.3 Rumusan Dapatan Kajian**

Secara realitinya, penampilan serta perwatakan seseorang guru yang kemas, bersih dan menyenangkan banyak mempengaruhi tingkah laku serta minat pelajar di dalam bilik darjah. Berkomunikasi dengan nada dan tekanan suara yang tidak merimaskan penerima serta sebutan yang fasih dan tepat merupakan ciri yang penting. Ini kerana pelajar akan meletakkan rasa hormat dan percaya serta memfokuskan perhatian sepenuhnya apabila penutur (*komunikator*) menggunakan suara semula jadi yang tidak dibuat-buat dan tegang. Tingkah laku dan minat pelajar akan terbentuk dengan sendirinya apabila terdapat penghuraian

dan penerangan yang jelas dan 'natural'. Begitu juga dengan penampilan diri guru dari segi berpakaian, boleh melambangkan kriteria seseorang guru itu. Selain itu, stail pakaian yang tidak menjolok mata akan menambahkan lagi rasa selesa bagi orang yang memandangi iaitu para pelajar di dalam bilik darjah.

Selain itu, kebolehan dan kesediaan guru dalam memilih metodologi yang sesuai dengan perancangan mengajar juga penting dalam membentuk tingkah laku dan minat pelajar. Kepelbagaian teknik yang digunakan serta menyeronokkan boleh menarik perhatian dan tumpuan pelajar. Situasi pengajaran yang 'mati' boleh memadamkan motivasi serta semangat belajar mereka. Kemahiran dalam menguasai pengajaran dapat membantu kelancaran pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan pemahaman pelajar di samping kesediaan guru untuk menggalakkan kreativiti dan inisiatif pelajar. Idea pelajar akan bercambah dan berkembang dengan adanya kebebasan yang diberikan kepada mereka untuk menonjolkan kemahiran serta kebolehan masing-masing dalam pembelajaran sesuatu bahasa kedua.

Faktor ketegasan yang terdiri daripada sikap guru yang mengotakan apa yang dikatakan, memberi suatu arahan dengan tegas serta tidak berat sebelah dan berpatutan sepanjang masa merupakan trait yang tidak signifikan dalam mencorak perilaku dan kesungguhan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.

Begitu juga dengan sikap menyukai pelajar, turut tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tingkah laku dan minat pelajar. Minat guru tentang diri seorang pelajar, kejayaan mereka dalam menarik perhatian pelajar serta tolak

ansur dan kerja sama ternyata tidak mempengaruhi secara langsung tingkah laku dan minat pelajar.

Dapatan ini dikukuhkan lagi jika melihat pandangan guru bahasa Arab di SMKA SHOAW terhadap pelajarinya. Penilaian yang paling tinggi yang mereka berikan ialah pelajar bercakap dengan suara yang lembut serta respon yang baik terhadap pengajaran bahasa Arab. Ini kerana pelajar diberi kebebasan yang maksimum untuk berbincang berbagai aspek dalam bahasa Arab.

Tingkah laku yang paling tidak menggalakkan ialah keselesaan bersama guru. Pelajar tidak merasa selesa apabila berada bersama-sama dengan guru adalah mungkin disebabkan guru tidak bersedia melayan kehendak dan citarasa pelajar berdasarkan perbezaan individu yang ada pada mereka. Selain itu, penyertaan dalam aktiviti bahasa Arab turut menunjukkan populasi yang tidak menggalakkan. Ini mungkin disebabkan teknik dan pendekatan yang digunakan oleh guru adalah statik dan tidak berkembang. Sub-item yang seterusnya yang tidak mencatat penilaian yang tinggi ialah keseronokan dan keceriaan semasa sesi pembelajaran dan kesukarelaan mereka dalam memberi jawapan yang diajukan kepada mereka.

Secara keseluruhannya, trait personaliti yang ditampilkan oleh pelajar semasa berada dalam bilik darjah tidak dapat dipisahkan daripada berberapa faktor. Antaranya ialah faktor latar belakang guru itu sendiri di mana hasil kajian yang dijalankan ini menunjukkan hubungan yang penting antara bilangan pelajar dalam bilik darjah, kursus yang dihadiri guru dalam perkhidmatan, institusi pendidikan guru dengan kaedah pengajaran yang digunakan. Ketiga-tiga perkara

di atas menunjukkan perkaitan dan pengaruh yang amat penting dalam mencorak teknik dan pendekatan pengajaran yang 'up-to-date', sistematik, efektif.

#### **5.4 Cadangan-cadangan**

Sebagai langkah ke arah memartabatkan bahasa Arab supaya kedudukan dan kemuliaannya terus teguh dan bertapak di hati pelajar khususnya dan seluruh masyarakat amnya, berberapa cadangan dan saranan kajian dirasakan perlu. Ini adalah penting sebagai panduan kepada pihak yang ingin menjalankan kajian berkaitan dengan psikologi perguruan. Antara cadangan kajian yang dirasakan perlu adalah :

1. Seiring dengan ledakan maklumat yang begitu cepat, yang turut melibatkan institusi pendidikan secara langsung, disarankan agar kajian yang bakal dijalankan oleh sesiapa yang berminat berkaitan dengan peranan guru dalam membentuk stail berfikir dalam mempelajari bahasa Arab di kalangan pelajar alaf baru .
2. Selain itu, memandangkan masyarakat pelajar kini dibesarkan dalam era millenium, kajian tentang pengajaran bahasa Arab berbantuan komputer, sejauh mana kesanggupan guru dalam membentuk kefahaman pelajar perlu diberi perhatian.
3. Kajian yang pengkaji jalankan ini adalah hanya memfokuskan kaitan antara personaliti guru dengan tingkah laku dan minat pelajar, adalah dicadangkan juga agar kajian yang akan datang menyentuh tentang kepentingan latar belakang pendidikan guru dengan keberkesanan pengajaran yang memfokuskan dalam subjek bahasa Arab.

4. Kajian tentang peranan pentadbir sekolah dalam membentuk motivasi dan minat guru dalam menjalankan tugas mengajar juga merupakan satu kajian yang penting.
5. Pihak JAPIM juga harus berperanan untuk melahirkan guru yang mempunyai personaliti yang baik dalam menentukan keberkesanan tugas pengajaran mereka.
6. Selain ISESCO, perlu ditubuhkan satu Pusat Bahasa Arab di Kementerian Pendidikan Malaysia di mana guru-guru dan kakitangannya terdiri daripada orang-orang Arab sendiri. Ini untuk membolehkan mereka mengadakan latihan dan kursus serta seminar kepada guru-guru bahasa Arab di Malaysia seperti pengajaran bahasa Inggeris di *British Council Teaching Centre* yang beroperasi di negara ini.
7. Peruntukan kewangan untuk pengajaran bahasa asing di sekolah-sekolah hendaklah ditambah kerana penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) bagi bahasa ini memerlukan belanja yang agak tinggi seperti penyediaan komputer, makmal bahasa Arab, sesi lawatan ilmiah dan program-program peningkatan kecekapan bahasa Arab serta pertandingan-pertandingan yang mengarahkan kepada kesedaran tentang bahasa Arab.
8. Menaikkan kedudukan dan kepentingan bahasa Arab dalam peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Ini adalah supaya ia setaraf dengan subjek-subjek lain, bukan sebagai subjek elektif sahaja.

9. Setiap guru yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar bahasa Arab membawa mesej yang sangat besar iaitu Islam. Mereka seharusnya mempunyai sahsiah yang baik dan terpuji sebagai seorang yang soleh dan musleh. Keterampilan ini boleh dijadikan contoh kepada para pelajar kerana guru menyumbangkan pengaruh yang paling besar dalam membentuk norma perlakuan dan kesedaran pelajar.
10. Guru hendaklah sanggup mempelbagaikan teknik pengajaran dan menerapkan penggunaannya ke dalam ayat al-Quran. Ini akan memudahkan pemahaman pelajar kerana mereka biasa dengan ayat-ayat yang mudah dan pendek.

### **Penutup**

Menceburi profesyen perguruan memerlukan persediaan yang teliti dan cukup sistematik. Ini memandangkan tanggungjawab di dalam mendidik anak bangsa bukanlah suatu tugas yang ringan. Oleh itu, berbekalkan kelulusan yang ada, guru juga perlu melengkapkan diri dengan kekuatan emosi, rohani dan jasmani selain mempamerkan ketrampilan dan kewibawaan sebagai seorang guru yang benar-benar berpersonaliti baik dan menarik.

Cabaran yang bakal dihadapi oleh mereka perlu ditangani dengan cekap dan hikmah lebih-lebih lagi dalam berhadapan dengan pelajar yang mempunyai berbagai-bagai watak dan tingkah laku. Perlakuan dan kriteria murni yang ditonjolkan dalam proses pengajaran banyak mempengaruhi tingkah laku dan menarik perhatian dan minat mereka untuk terus berada bersama guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.